

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 October 2015

## Jerebu: Indonesia perlu bertindak

UM - 5/10/2015

**MILAN 4 Okt.** - Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata, kerajaan Indonesia perlu mengambil tindakan terhadap pihak yang menjadi dalang penyebab jerebu yang bukan sahaja menjejaskan kualiti udara di Malaysia tetapi juga ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, hanya Indonesia sahaja dapat memastikan dan membuktikan sama ada keadaan jerebu disebabkan aktiviti pembakaran terbuka oleh syarikat perladangan di negara itu atau kesan daripada perubahan cuaca.

Menurutnya pihak Indonesia sahaja boleh memperoleh bukti daripada syarikat perladangan

yang beroperasi di negara itu yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka.

"Perlu pastikan sama ada jerebu disebabkan perbuatan manusia atau kebakaran berlaku disebabkan cuaca kering," katanya ketika mengulas keadaan jerebu di negara kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas pulang selepas mengakhiri lawatan kerja tiga hari ke Milan.

Beliau berkata, penyelesaian kepada masalah jerebu memerlukan kerjasama erat antara Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam mewujudkan pelan tindakan yang lebih berkesan.

- BERNAMA